

Cekal dan bersemangat walau laluan penuh cabaran



AKSI CEMERLANG:
Nurhanishah (kiri)
dan Azlyana menyajikan
satu persembahan penuh
bersemangat untuk
merangkul pingat perak
acara seni ganda puteri
di Sukan SEA semalam.
— Foto FAKHRURADZI
ISMAIL

Dua sekawan sumbang pingat perak melalui acara seni ganda puteri

IMPIAN Nurhanishah Shahrudin membuat penampilan sulungnya di Sukan SEA Kuala Lumpur ini hampir tergugat selepas beliau dilanda kesakitan di bahagian perutnya setiap kali menjalani latihan.

“Sepanjang menjalani latihan semasa persediaan ke Sukan SEA, saya tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kerana terpaksa menahan kesakitan di bahagian perut saya.

“Ia membuat saya sedih dan kecewa... kemungkinan perkara ini (tidak dapat bertanding di Sukan SEA) sering juga bermain di fikiran dan terus menghantui saya.

“Segala ini satu cabaran besar bagi saya kerana ia seakan-akan menghalang saya daripada melakukan yang terbaik,” kata pelajar Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej Central berusia 19 tahun itu.

Kesakitan yang dirasakan Nurhanishah turut menjadi kebingangan rakan seperjuangannya,

Nur Azlyana Ismail, yang sama-sama telah bertungkus lumus berlatih sebagai persediaan sebelum turun berjuang dalam acara seni ganda puteri di temasya sukan KL.

“Saya sebagai rakannya juga prihatin... bolehkah beliau sambung latihan dan pulih untuk beraksi di Sukan SEA ini,” ujar Azlyana yang mengikuti kursus Pengurusan Peningkatan di Politeknik Republic.

Mujur segala cabaran dan kesakitan itu tidak berpanjangan, malah kedua pesilat wanita negara itu telah menyajikan satu aksi yang penuh bersemangat di hadapan sekitar 300 penonton di gelanggang Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KL-CC).

Jelas, selepas mengharungi segala jerih payah bersama, Nurhanishah dan Azlyana akhirnya meraih hasil daripada titik peluh mereka sendiri apabila dinobatkan sebagai pemenang pingat perak dalam acara seni ganda puteri pada hari kedua aksi silat diadakan semalam.

Dapatkan
keputusan
renang di
BeritaHarian.sg



Mereka mendapat 553 mata – hanya 15 mata di belakang pemenang pingat emas, Nor Hamizah Abu Hassan dan Nur Syazreen Abdul Malik dari Malaysia.

Pingat gangsa jatuh kepada gandingan pesilat Indonesia, Ririn Rinah dan Riskah Hermawan, yang meraih 545 mata.

Pencapaian itu sekali gus menjaldi penubus kekecewaan di Kejohanan Pencak Silat Sedunia Ke-17 tahun lalu apabila mereka pulang dengan tangan kosong.

“Alhamdulillah, kami amat gembira dengan pingat perak ini kerana segala yang telah kami lalui bersama akhirnya membuahkan hasil.

“Kami juga berterima kasih kepada jurulatih dan pegawai termasuk pakar psikologi pasukan yang selalu mengingatkan kami agar ‘berlatih seperti anda bertanding dan bertanding seperti anda berlatih’.

“Kata-kata itu menjadi pemangkin semangat dalam diri kami agar mencatatkan yang terbaik semasa beraksi di tengah gelanggang ini,” kata Azlyana.

Lebih membanggakan, dua sekawan yang telah mengenali satu sama lain sejak berada di sekolah rendah itu juga merupakan pemenang pingat perak pertama Singapura bagi acara seni ganda puteri ini – sesuatu yang cukup membanggakan, menurut Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau’ddin Yacoob Marican.

“Saya amat gembira kerana mereka telah mempamerkan satu persembahan yang cemerlang sekalipun perlu menghadapi cabaran menjelang Sukan SEA ini. Saya harap mereka dapat terus bekerja keras untuk mencapai lebih banyak kejayaan lagi.

“Kami juga amat berpuas hati dengan pingat perak ini... dan sejauh ini kami berjaya mencatatkan rekod terbaik kami dalam acara seni ganda di peringkat Sukan SEA,” ujarnya.

Laporan lain Sukan SEA

— Muka 23